

50 pelajar IPTA terima biasiswa

BH 22/12/06

KUALA LUMPUR: Lima puluh pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menerima biasiswa bernilai RM7,000 setahun dan sebuah komputer riba dari Kumpulan Maybank baru-baru ini kerana kecemerlangan mereka dalam akademik dan ko-kurikulum.

Daripada jumlah itu 24 pelajar adalah dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang juga bilangan tertinggi diikuti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (4), Universiti Malaya (UM) (6), Universiti Utara Malaysia (UUM) (7), Universiti Putra Malaysia (UPM) (5), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (2) dan masing satu dari Universiti Malaysia Sarawak (UMS) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Pengerusi Kumpulan Maybank, Tan Sri Mohamed Basir Ahmad, berkata pemberian biasiswa itu adalah strategi jangka panjang bank berkenaan menyediakan sumber tenaga yang terlatih pada masa depan.

Beliau berkata, selepas tamat pengajian penerima biasiswa akan berkhidmat dengan bank itu selepas menerima dua bulan latihan amali ketika dalam pengajian.

Tambah beliau, pada tahun ini, Maybank menerima 1,410 permohonan tetapi hanya 321 calon ditemuduga dan 50 pelajar dipilih untuk menerima biasiswa itu.

Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Sumber Manusia Kumpulan Maybank, Siti Aishah Md Lassim, pula berkata, penerima biasiswa itu dinilai dari keputusan akademik yang cemerlang iaitu mendapat purata markah keseluruhan (CGPA) 3.00 bagi pemegang diploma dan matrikulasi serta keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) sekurang-kurangnya mendapat 1A, 1B dan 1C.

Sejak 1972, Maybank menaja 900 pelajar IPTA dan 90 peratus daripada mereka berkhidmat untuk bank berkenaan di seluruh negara.



Latihan amali perlu sebagai pendedahan alam pekerjaan sebenar di samping mereka akan mempraktikkan ilmu yang dipelajari di universiti"

Mohamed Basir Ahmad
Pengerusi Kumpulan Maybank